



# KENYATAAN MEDIA

## GIACC MEMUJI USAHA MRT CORP SEBAGAI GOC PERTAMA YANG BERSEDIA UNTUK MEMATUHI PELAN ANTI-RASUAH NASIONAL

**Kuala Lumpur, 6 Mac 2019:** Dalam usaha menyokong wawasan Kerajaan untuk mewujudkan tadbir urus yang bebas rasuah, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mengunjungi Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dengan iltizam untuk mematuhi Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Encik Abdul Yazid Kassim, delegasi MRT Corp yang terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah dan Barisan Kepimpinan telah pergi ke pejabat GIACC di Putrajaya pada 28 Februari 2019. Dalam pertemuan tersebut, hala tuju dalam mematuhi NACP telah diperbincangkan bersama Ketua Pengarah GIACC Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Abu Kassim memuji MRT Corp kerana merupakan syarikat-milik kerajaan yang pertama bertemu dengan GIACC berkenaan inisiatif NACP, dan iltizamnya untuk mematuhi Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang ditubuhkan oleh GIACC.

“Saya berharap lebih banyak syarikat dan agensi yang akan menyusul, dan mengambil inisiatif untuk mematuhi NACP. Marilah kita mencapai wawasan Malaysia Baharu yang ditadbir dengan penuh integriti, ketelusan dan kod tatalaku yang tinggi,” tambah Abu Kassim.

Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP), yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Januari 2019, merangkumi 115 inisiatif anti-rasuah dalam usaha memerangi rasuah, termasuk menggariskan had kuasa dalam usaha memisahkan pengurusan Kerajaan daripada pengaruh politik.

Mengulas tentang NACP, Abdul Yazid mengatakan bahawa MRT Corp akan mengamalkan inisiatif selanjutnya dalam pengurusan tadbir urus yang baik, dan membasmi amalan rasuah dalam sesebuah organisasi.

“GIACC mengakui bahawa Pelan Integriti MRT Corp 2019 telah merangkumi kebanyakan inisiatif tersebut. Namun begitu, GIACC mengesyorkan beberapa inisiatif turut dimasukkan seperti Pelan Senario dan Pelan Pengurusan Risiko,” kata beliau, dan menambah bahawa MRT Corp harus menekankan kepentingan Liabiliti Korporat dan Akta Pencegahan Rasuah Pegawai Asing.



Abdul Yazid mengatakan bahawa sejak dari penubuhannya, MRT Corp telah sentiasa mematuhi inisiatif integriti dan Pengauditan Integriti sentiasa dilakukan dalam mematuhi ISO37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah.

Beliau turut menambah bahawa MRT Corp sentiasa menjadikannya satu kepentingan dalam memastikan seluruh warga kerja mematuhi semua polisi dan prosedur.

-tamat/-

**Sebarang pertanyaan media, sila hubungi**

**Encik Leong Shen-Li**  
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

**Cik Amalina Ghazali**  
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my